UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

BULETIN APB

EDUCATION FOR BETTER FUTURE



EDISI 17

OKTOBER 2026

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

e-ISSN : 2682-7948

Memperkasakan Pelajar Malaysia Melalui Bahasa Ketiga

NIK MAHFUZAH NIK MAT, NURUL SYAFAWANI ABDUL HALIM, TENGKU FARAH PETRI TENGKU MAHMOOD, NUR HAKIMAH MD SALLEHUDDIN & MOHD NUR FITRI MOHD SALIM
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN

Dalam era dunia yang semakin terhubung dan dinamik, wacana "Pendidikan untuk Masa Hadapan yang Lebih Baik" (*Education for a Better Future*) menuntut perubahan besar terhadap cara kita mendidik generasi muda. Pendidikan masa hadapan tidak lagi cukup sekadar mempelajari mata pelajaran asas. Sebaliknya, kita perlu membekalkan pelajar dengan kemahiran kalis masa hadapan (*future-proof skills*) yang mampu membina daya tahan dan ketersediaan global.

Adaptasi persekitaran budaya di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, penguasaan bahasa ketiga bukan lagi sekadar kemahiran tambahan. Sebaliknya, ia bertindak sebagai pelaburan penting yang mengukuhkan perkembangan minda, akademik, kerjaya serta sosial pelajar. Oleh itu, pendedahan kepada bahasa ketiga sewajarnya dijadikan teras utama bagi melahirkan generasi yang berdaya saing, berfikiran terbuka serta mampu menyesuaikan diri dalam abad ke-21 ini.

Daripada sudut akademik dan kognitif, penguasaan bahasa ketiga memberi nilai tambah yang besar kepada perkembangan minda pelajar. Kebolehan bertutur pelbagai bahasa membuka akses yang lebih luas kepada sumber maklumat, khazanah ilmu dan bahan akademik daripada pelbagai komuniti antarabangsa. Sejajar dengan pandangan Bhatti et al. (2020), penguasaan pelbagai bahasa mempunyai kaitan rapat dengan peningkatan prestasi akademik dan fungsi kognitif, khususnya dari segi keupayaan menyelesaikan masalah serta fleksibiliti mental. Selain itu, proses mempelajari tatabahasa, kosa kata dan sistem komunikasi yang baharu menuntut pelajar menyesuaikan strategi pembelajaran secara berkesan. Proses ini secara tidak langsung membina pemikiran kritis dan adaptif.



Di samping faedah akademik, penguasaan bahasa ketiga turut membuka peluang yang lebih luas dalam realiti kehidupan dan kerjaya. Ini kerana, kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan individu berinteraksi secara berkesan dengan organisasi atau komuniti antarabangsa. Asensio Ferreiro (2025) ada menegaskan bahawa kemahiran pelbagai bahasa berupaya meluaskan peluang kerjaya serta meningkatkan penglibatan individu di peringkat antarabangsa. Bagi pelajar di Malaysia, nilai tambah ini amat berguna sama ada untuk tujuan mobiliti akademik, melanjutkan pengajian ke luar negara mahupun menceburi sektor pekerjaan global. Penguasaan bahasa tambahan ini juga membolehkan mereka membina jaringan profesional merentasi sempadan budaya.

Seterusnya, pembelajaran bahasa ketiga membantu membina kemahiran memahami budaya baharu (*intercultural competence*). Apabila mempelajari bahasa lain, pelajar berpotensi untuk mengenal dan membandingkan budaya yang berbeza. Proses tersebut membuatkan pelajar lebih peka serta mudah menyesuaikan diri dalam persekitaran yang didiami oleh pelbagai kaum dan budaya. Pembelajaran bahasa berteraskan budaya ini juga mengeratkan hubungan sosial serta memberi pengalaman sebenar, sekali gus meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih yakin (Lenkaitis et al., 2020).

Adapun daripada sudut pembangunan diri pula, pembelajaran bahasa ketiga wajar dijadikan pemangkin kepada budaya pembelajaran sepanjang hayat. Kajian oleh Kacetl dan Klímová (2021) membuktikan bahawa pembelajaran bahasa pada peringkat dewasa atau usia tua mampu memberi rangsangan fikiran, motivasi diri serta kepuasan peribadi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa faedah bahasa ketiga tidak terhad kepada fasa persekolahan atau pengajian tinggi semata-mata. Sebaliknya, ia kekal berguna dan boleh terus ditingkatkan mengikut keperluan hidup serta kerjaya individu.

Secara keseluruhannya, penguasaan bahasa ketiga adalah kemahiran yang sangat penting terutama untuk perkembangan minda, peluang kerjaya yang lebih luas, kesedaran budaya luar serta pembentukan sikap pembelajaran sepanjang hayat. Justeru, pendidikan bahasa ketiga tidak harus dilihat sebagai subjek sampingan semata-mata, sebaliknya sebagai langkah utama bagi menyiapkan generasi muda Malaysia menjadi generasi yang ampuh, unggul serta bersedia melangkah seiring dengan perkembangan dunia semasa

Rujukan

Asensio Ferreiro, M. D. (2025). Third languages acquisition (TLA): Educational multilingualism at early ages. *Languages, 10*(10), 251. https://doi.org/10.3390/languages10100251

Bhatti, N., Kovsh, E., Kharitonova, E., & Sapranova, I. (2020). Grammar aspect of English and German acquisition in Russian medium. E3S Web of Conferences, 210, 21005. https://doi.org/10.1051/e3sconf/202021021005

Kacetl, J., & Klímová, B. (2021). Third-age learners and approaches to language teaching. *Education Sciences, 11*(7), 310. https://doi.org/10.3390/educsci11070310

Lenkaitis, C. A., Hilliker, S. M., & Ouedraogo, B. (2020). Examining intercultural competence of L3 learners in higher education. *International Journal of Educational Research Open, 1*, 100013. https://doi.org/10.1016/j.ijedro.2020.100013